

Patani Mingguan

HIMPUNAN BERITA DAN ARTIKLE MINGGUAN PATANI

KELUARAN MADRASAH KEWARTAWANAN SEMPADAN SELATAN (DSJ) #

DEEP SOUTH WATCH (DSW)

NEWSLETTER

Persatuan Buddha Mohon Hentikan Keganasan

penterjemah: Waemasna Waeyusoh

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6411>

Pada tanggal 18 September 2014, Persatuan orang Buddha di Sempadan Selatan Thai (B4P) memohon untuk hentikan keganasan terhadap orang-orang yang lemah, terutama orang yang beragama buddha di 3 wilayah sempadan selatan Thai. Hal ini demikian kerana mereka takut kes-kes yang telah menimpa kepada mereka akan berlaku lagi. Di antara kes-kes tersebut ialah perbunuhan orang buddha yang menyebabkan 3 orang perempuan dan seorang lelaki terbunuh pada 15 September 2014 yang lalu.

Mereka mengadakan pemesyuaratan untuk memohon kepada pihak kerajaan menyelesaikan masalah kelanggaran dalam harta benda orang buddha, seperti mencuri getah, membakar rumah tempat kediaman orang buddha. Selain itu mereka memohon tentang unifom tentera supaya semua tentera memakai unifomnya untuk tidak menjadi kebingungan kepada mereka. Mereka juga minta untuk menggalakkan disegi ibadah dalam agama mereka sendiri, iaitu Agama Buddha.

Muslim Uiku Terhilang Dari Tempat Pertahanan

penterjemah: Kudareeyah Rongsoh

pautan: http://www.isranews.org/south-news/scoop/item/34316-uyghur_34316.html

Pegawai pejabat pembangunan masyarakat dan sumber manusia wilayah Songkla berkata kumpulan muslim tanpa warganegara yang disyaki oleh kerajaan Thai bahawa mereka adalah bangsa uiku yang berlari secara haram dari Monthon Xinjiang, sebelah barat laut China, dan ditangkap di negara Thai lebih kurang 200 orang itu lebih daripada separuh sudah berlari dari tempat tahanan.

Kumpulan muslim tanpa warganegara ini ditahan oleh polis imigresen daerah Rattaphum, wilayah Songkla pada 12 mac 2014 berjumlah 218 orang. Kemudian orang asing yang berciri sama dengannya dijumpai terbiar di mukim Padang Besar, daerah Sadao, wilayah Songkla berjumlah semua 295 orang. Mengikut maklumat daripada pegawai polis imigresen, kebanyakan mereka berimigresen secara berkeluarga, dengan meninggalkan tempat asal dan menjual harta benda.

Berkaitan dengan hal ini, pihak kerajaan Thai belum dapat menolak kumpulan muslim tanpa warganegara ini dari keluar negara kerana warganegaranya belum di dapat dikenal pasti. Kumpulan tersebut mendakwa bahawa mereka adalah orang Turkey yang memasuki negeri secara haram. Walau bagaimanapun pihak kerajaan China berkeyakinan bahawa mereka adalah orang uiku yang memasuki negara Thai secara haram untuk negara yang ketiga. Dalam hal ini pegawai dari Turkey dan China telah membuat identifikasi warganegara mereka. Namun sampai sekarang pun belum selesai.

Terdapat laporan terkini bahawa kumpulan perempuan dan kanak-kanak yang di peragui bahawa kumpulan muslim uiku yang ditahan di perumahan kanak-kanak dan perempuan Sonhkla, hamper semuanya sudah berlari dari tempat penahanan.

Patani Mingguan

Dari Meja
Editor



PATANI MINGGUAN adalah newsletter bahasa melayu versi pertama keluaran Madrasah Kewartawanan Smpadan Selatan (DSJ) yang sebelum ini kami mengeluarkan hanya dal bahasa Thai di Thailand hampir dua tahun, dengan pengenalan berita terkini tentang Selatan Thailand, yang di kenali dengan Patani. Isi kandungan yang diterjemahkan ke bahasa melayu ini sumbernya dari laman web Madrasah Kewartawanan Smpadan Selatan (DSJ) dan lain sumber berita tempatan.

Matlamat PATANI MINGGUAN ini adalah untuk menyebarkan maklumat daripada masyarakat Melayu Patani kepada masyarakat melayu di luar negara, terutama di Asian, yang mana dengan lebih daripada 300 juta pengguna bahasa melayu, ini untuk mereka memahami apa yang terjadi di Patani dengan secara literal, iaitu mendapat maklumat dari sekumpulan wartawan tempatan.

Kami berharap PATANI MINGGUAN ini akan menjadi saluran untuk mendapat maklumat yang betul dan tulen dari Patani tentang pengetahuan dan kefahaman apa yang sedang berlaku. Dan kami akan cuba meningkatkan PATANI MINGGUAN walaupun bentuk dan kandungan seterusnya.

Yang Benar,

Saronee Duereh
 Editor saronee.d@dsjgroup.org

'Selatan Press' berharap untuk menggalakkan kesempurnaan huruf jawi.

penterjemah: Nurhuda Dauh

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6379>

Encik Ramli Beto pemilik kedai salatan press yang terletak di daerah Meung, wilayah Yala mengungkapkan bahawa kedai ini sudah diada lebih daripada 20 tahun. Kedai percetakan ini memberi perkhidmatan tentang alat media yang cukup sempurna, seperti poskad, kad perkahwinan, buku bahasa melayu dan buku bahasa thai, kalender Islam, dan lain-lain lagi.

Enchik Ramli mengatakan bahawa selepas kekacauan yang berlaku di selatan Thailand pada tahun 2004. Ada banyak pelangan yang mahu media catak bertulisan jawi, terutamanya ialah kad perkahwinan bertulisan jawi. Yang sebelum itu ditaip hanya dengan bahasa thai, dan penerbitan yang lain pun sama juga seperti poster pilihan raya.

Encik Ramli pula mengungkapkan bahawa dia tidak yakin dengan apa faktornya yang cetakan bahasa melayu itu semakin disukai oleh orang ramai. Mungkin mereka sedar tentang kepentingan bahasa melayu atau mereka risau tentang kakacaun yang berlaku di selatan Thailand kalau mereka tidak mengambil berat dengan bahasa melayu. Dan sesungguhnya bahasa melayu itu adalah identity mereka. Lalu, haruslah mereka memberi kepentingan dengan bahasa ibunda mereka.

Encik Ramli juga mengatakan bahawa ia pernah cari anggota baru untuk bekerja dalam bidang bahasa melayu tulisan jawi. Banyak yang ingin bekerja bersamanya tetapi ternyata bahawa mereka itu ramai yang tidak boleh membaca dan menulis bahasa melayu dengan tulisan jawi. Walaupun sebahagian dari mereka sudah menerima ijazah agama peringkat 10. Encik Ramli juga syak mengapa menjadi begitu? Sedangkan siswazah sanawi 10 pada masa silam, mereka boleh membaca dan menulis bahasa melayu dengan baik.

4 mangsa buddha maut ditembak dalam sehari

penterjemah: Mareeya Yanya

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6398>

4 orang buddha maut ditembak Pada 15 November. Jam 09.30 pagi penganas menembak ibu dan anak perempuan, Salinee saetong ,55 dan Sirirat Saechan , 35 ketika perjalanan membeli makanan di kawasan kilometer yang ke 32 tempat 2 Aiyerweng, wilayah Jala. mangsa nya adalah ahli kampung Yura 112 tempat 12 Meawad, Tanto Wilayah Jala

jam 12.00 tengahhari penganas menembak Isra Chairitchok yang berumur 53 tahun mati, guru sekolah Ban Kuantan tempat 6 Kokpur, wilayah Pattani. Di kawasan petronas dekat sekolah Nikommitrapap tempat 6 mukim Tarea.

Dan pada jam 4.42 petang penganas menembak Norapol Seangmeni yang berumur 26 tahun telah berlaku di kawasan jalan simpang air terjun Seapo tempat 7, mukim Bangosato, dairah Rangik, wilayah Naratiwat.

bom sebuah karaoke dan seorang guru agama mati ditembak

penterjemah: Kasmining Bakar

pautan: <http://www.isranews.org/south-news/other-news/item/34372-oke.html>

Kejadian ini berlaku pada hari khamis 13 November 2014. kira-kira jam 7.45 malam, 2 orang penganas bermotosikal menuju ke arah jambatan Chalemprakiat, Mukim Bana, Daerah Muang, Wilayah Pattani yang berdekatan dengan pelabuhan Pattani dan berhampiran dengan balai polis Pattani. Bila sampai pertengahan jambatan, yang menunggang di belakang kenderaan itu mencampakkan bom ke bawah jambatan yang di bawahnya kedai karaoke. Bernasib baik bom itu tidak berfungsi hanya membuatkan pekerja karaoke terkejut dan terus melari dari.

Tuan Dir Chuthanan, ketua polis wilayah pattani dan pihak berkenaan berkata bahawa bom itu daripada jenis yang licin tetapi ia tidak berfungsi, dalam masa yang sama pihak penyiasat telah siasat gambar-gambar dari CCTV tentang kejadian ini.

Sebelumnya, pada malam Rabu 12 November 2014 , berlaku keganasan di kampung Thanmalee, Mukim Aiyerweng, Daerah Betong, Wilayah Yala. Mangsa dikenali sebagai Hasan Matehak, 43 tahun. Seorang guru agama yang berasal dari Mukim Bannangseta, Wilayah Yala, ditembak mati ketika mangsa berada di dalam rumahnya. Mangsa ditembak dengan senjata api jenis AK, manakala anaknya Aiman Matehak, 7 tahun cedera parah selepas terkena peluru sesat.